

04 MAY 1996

Kontraktor-Khianat

BELUM ADA LAPORAN ANGGOTA DPMM ANTARA KONTRAKTOR PENGKHIANAT

KUALA LUMPUR, 4 Mei (Bernama) - Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) setakat ini belum mendapat sebarang laporan bagi memastikan sama ada anggotanya adalah antara kontraktor Bumiputera yang terlibat dalam pemalsuan maklumat bagi mendapatkan kontrak kerajaan, menurut Presidennya Datuk Seri Yahaya Ahmad hari ini.

"Kami telah meminta pihak dewan di negeri-negeri menghantar laporan mengenai perkara ini untuk memastikan sama ada anggota DPMM terlibat, namun laporan itu belum lagi kami terima," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis penutup Seminar DPMM Kejayaan Ekonomi Melayu Hasil Perjuangan Umno di sini, hari ini.

Baru-baru ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengibaratkan kontraktor Bumiputera yang terlibat dalam penipuan itu sebagai "pengkhianat" dan tindakan tegas akan diambil terhadap mereka yang didapati bersalah.

Yahaya menegaskan sebarang alasan mengenai penipuan tersebut tidak akan diterima kerana selama ini usahawan Bumiputera telah banyak menerima bantuan daripada segi infrastruktur dan kewangan.

DPMM mempunyai tugas menerapkan nilai tanggungjawab pada pengusaha-pengusaha Bumiputera, namun hak menghukum mereka yang terlibat adalah terletak di tangan pihak berkuasa, katanya.

"Syarat-syarat utama seorang usahawan ialah keikhlasan, ketulusan dan maruah, tanpa sifat-sifat tersebut seseorang tidak mungkin menjadi usahawan yang berjaya," tegas beliau.

Bengkel sehari tersebut bertujuan menyediakan kertas kerja ekonomi untuk dibentangkan dalam konvensyen sempena ulangtahun ke-50 Umno yang akan diadakan pada 11 Mei ini.

Antara tajuk utama yang dibincangkan ialah cabaran yang akan dihadapi usahawan Melayu menjelang abad ke-21. -- BERNAMA

NI PR